



قِيَابَةُ كُنُوزِ حَاكِمِي شَرِيئِي نَكْرِي قَوْلًا وَفِعْلًا

PEJABAT KETUA HAKIM SYARIE NEGERI PULAU PINANG

No. 3 Jalan Batu Gantung, 10450 Pulau Pinang

Tel.: 04-830 7777 Faks: 04-830 7899

<http://www.jksnpp.gov.my>



Rujukan kami : JKSP.600 - 1/3/2 (59)

Tarikh : 03 Disember 2021

28 Rabiulakhir 1443H

Yang Arif Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Syariah

Semua Hakim Mahkamah Rendah Syariah

Ketua Pendaftar/Pendaftar

Semua Penolong Pendaftar

Yang Arif/Tuan/Puan,

**PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE BILANGAN 3 TAHUN 2021
SEMAKAN SILANG FAIL KES**

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif Hakim Syarie, Tuan-Tuan Hakim, dan Pendaftar kepada keputusan Muzakarah Pegawai-Pegawai Syariah Bilangan 2 Tahun 2021 pada 03 Disember 2021 telah bersetuju dan mengesahkan untuk mengarahkan semakan silang fail kes mal, jenayah dan sulh antara satu mahkamah dengan mahkamah yang lain setahun sekali.

2. Garis panduan semakan adalah seperti di **lampiran**.

Arahan ini berkuat kuasa mulai 03 Disember 2021.

(DATO' MUHAMMAD ABDUL KARIM BIN WAHAB)

Ketua Hakim Syarie

Jabatan Kehakiman Syariah

Negeri Pulau Pinang



SYARIAH ASAS KEADILAN

(Sila nyatakan rujukan kami apabila menjawab)

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN
PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE BIL 3 TAHUN 2021
SEMAKAN SILANG FAIL KES**

Kertas ini adalah merupakan garis panduan kepada pelaksanaan Pekeliling Ketua Hakim Syarie Bil 3 Tahun 2021 iaitu yang berkaitan semakan silang fail kes. Pekeliling tersebut hendaklah dilaksanakan sebagaimana berikut :-

1. Pelaksanaan Arahan Semakan Silang bagi Mahkamah hendaklah melalui arahan daripada Ketua Hakim Syarie / Ketua Pendaftar.
2. Semakan dijalankan sekurang-kurangnya sekali setahun.
3. Bilangan Fail Kes yang hendak disemak sekurang-kurangnya lima fail kes masing-masing untuk kes mal, kes jenayah dan kes sulh.
4. Kaedah Pelaporan
 - a. Penyemak hendak memastikan segala hukum syarak, peruntukan undang-undang, pekeling, arahan amalan dan lain-lain peruntukan undang-undang dipatuhi dengan sewajarnya.
 - b. Semakan silang fail hendaklah dilaksanakan secara rawak.
 - c. Penyemak hendaklah membuat satu laporan bertulis yang mengandungi nama mahkamah, nama hakim, no. fail, tarikh semakan, catatan semakan dan maklumat penyemak. Laporan tersebut hendaklah dibuat dalam tempoh tidak melebihi sebulan dari tarikh arahan Ketua Hakim Syarie / Ketua Pendaftar
 - d. Jika terdapat apa-apa penemuan terhadap perkara 4a yang tidak dipatuhi, ia perlu dilaporkan dalam laporan bertulis dan diserahkan kepada Ketua Hakim Syarie / Ketua Pendaftar untuk tindakan lanjut.
 - e. Semua laporan yang telah disemak oleh Ketua Hakim Syarie / Ketua Pendaftar hendaklah diserahkan kepada Bahagian Khidmat Pengurusan dan Pentadbiran untuk pemfailan.